

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
26 JUN 2015**

1. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL KEDUA 2015

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa bil cukai taksiran untuk Penggal Kedua 2015 akan mula diterima oleh semua pemilik premis di Seberang Perai mulai 26 Jun 2015 dan pembayaran perlu dibuat sebelum 31 Ogos 2015.

Bagi pemilik premis yang masih belum menerima bil cukai taksiran, semakan boleh dibuat di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi di talian 04-5497470/471/696/697/468 atau e-mail ke waran@mpsp.gov.my.

2. PEMBUKAAN KAUNTER BERPUSAT PADA HARI SABTU & AHAD SEMPENA BULAN JULAI DAN OGOS

Dimaklumkan bahawa perkhidmatan Kaunter Berpusat, MPSP akan dibuka pada hari Sabtu dan Ahad sempena bulan bayaran cukai taksiran Majlis Perbandaran Seberang Perai sepanjang bulan Julai & Ogos. Perkhidmatan Kaunter berpusat akan beroperasi seperti ketetapan berikut :

HARI	WAKTU OPERASI	TEMPAT
Sabtu	8.30 pagi – 12.30 tengahari	Kaunter Berpusat, Ibu Pejabat Bandar Perda
Ahad	8.30 pagi – 12.30 tengahari	Kaunter Berpusat, Ibu Pejabat Bandar Perda
KAUNTER DITUTUP PADA HARI CUTI UMUM DAN PADA 17, 18 & 19 JULAI 2015 (JUMAAT, SABTU & AHAD) SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI		

Pembukaan perkhidmatan kaunter ini adalah untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan dan stakeholders bagi

membuat bayaran cukai taksiran setengah tahun kedua khasnya dan bayaran lain perkhidmatan MPSP.

3. JADUAL KUTIPAN SAMPAH SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI 2015

Adalah dimaklumkan bahawa jadual kutipan sampah akan mengalami sedikit perubahan sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2015. Perubahan jadual kutipan akan berlaku pada 16 dan 17 Julai 2015 dengan ketetapan berikut ;

- i. Pada 16.07.2015 kutipan akan dibuat sebanyak dua (2) kali iaitu pada syif pertama dari 7.00pagi - 4.00 petang dan syif kedua pada 5.00 petang hingga 12.00 malam. Bagi mana-mana individu yang hendak melupuskan sampah pukal, sila pastikan ianya diletakkan di tong / berhampiran tong CU atau tong MGB yang terdapat di tepi-tepi jalan utama agar kutipan dapat dijalankan mengikut jadual.
- ii. Pada 17.07.2015 (Hari Raya Pertama) kutipan sampah mengikut jadual A dan C akan dimulakan mulai jam 3.00 petang hingga 12.00 malam. Perubahan waktu kutipan ini bagi memberi ruang kepada pekerja yang beragama Islam samada di MPSP, Stesen

Pemindahan Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan Pulau Burung
menunaikan Solat Hari Raya Aidil Fitri dan Solat Jumaat.

Tarikh	Waktu	Catatan
15.07.2015 (Rabu)	7.00 pg - 4.00 ptg	Jadual Biasa (A & C)
16.07.2015 (Khamis)	7.00 pg - 4.00 ptg	Jadual Biasa (B & C)
	5.00 ptg - 12.00 mlm	Jadual Tambahan (kutipan dari tong CU dan RORO)
17.07.2015 (Jumaat)	3.00 ptg - 12.00 mlm	Jadual Pindaan (A & C)
18.07.2015 (Sabtu)	7.00 pg – 4.00 ptg	Jadual Biasa (B & C)

Nota : Jadual A : Isnin , Rabu , Jumaat

Jadual B : Selasa , Khamis, Sabtu

Jadual C : Setiap Hari (Tong CU dan RORO)

Senarai Pegawai Bertugas;

Penyelaras :

PPKP Puan Rajeswary a/p Subramani - 011-12192708

- 016- 4155509

KAWASAN	NAMA PEGAWAI	NO.TELEFON
Depo Kepala Batas	PPKP Faris Zaki B Basri PKAK Mohd Tahir Bin Othman PKA	013-2005074 012-4740526
Depo Tasek Gelugor	PPKP Rajeswary A/P Subramani PKAK Ahmad Bin Abdul Rahman PKA Mohd Aslahusni	011- 12192708 012-4750523
Depo Bagan	PPKP Siti Nur Azani Bt Azizan PKAK Mohd Sabri Sidek PKA	019-2593317 019-4740535
Depo Permatang Pauh	PPKP Mohd Norazizul B Sahabdin PKAK Kumar A/L Packiri PKA Mohd Fauzi B Johari	013-3041331 012-4740519 017-4669306
Depo Berapit	PPKP Zakaria B Hussain PKAK Murugiah a/l Muniandy PKA Vishalini A/P Suppiah	019-4328433 012-4984545 016-4114045
Depo Jalan Betik	PPKP Abd. Wahab B Jaafar PKAK Mohd Awaludin B Mustafa PKA Zulkifli B Baharin	012-4817119 012-4677354 012-2881516
Depo Asas Murni	PPKP Norshahada Bt Ramli PKAK Azhar B Abu Bakar PKA Muhamad Aliff B Razali	013-2648642 012-4740507 018-7773036
Depo Jawi	PPKP Ebramshah VSS Abdul PKAK Ho Kun Thong PKA Sundram A/L Vegadeson	016-4810511 019-4528583 017-4248332

4. **MPSP CAR FREE MORNING @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program *MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai* akan diadakan untuk kali ke-3 pada 5 Julai 2015 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

Program *MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai* ini memberi peluang kepada warga Seberang Perai untuk menyertai aktiviti riadah senamrobik dan berbasikal di kawasan tersebut pada waktu pagi tanpa gangguan kenderaan. Program ini juga dilihat sebagai satu usaha untuk mengurangkan pencemaran udara dan meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar dalam kalangan penduduk dan juga menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat. Pelbagai aktiviti lain seperti pameran pendidikan mesra alam, gerai-gerai jualan, permainan tradisional akan dapat disertai oleh orang ramai.

Justeru, saya mengharapkan dengan adanya kegiatan seumpama ini, orang ramai akan turut serta menghidupkan Bandar Seberang Perai menjadi *liveable city* dan masyarakat akan lebih prihatin

dengan tanggungjawab mereka untuk mewariskan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat untuk generasi akan datang.

5. HARI ULANG TAHUN PERISYTIHARAN TAPAK WARISAN DUNIA GEORGE TOWN

Dimaklumkan bahawa pada hari Selasa, 7 Julai 2015 adalah Hari Ulang Tahun Perisytiharan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Hari tersebut adalah merupakan hari cuti umum bagi Negeri Pulau Pinang.

6. SELAMAT MENYAMBUH HARI RAYA AIDILFITRI

Kesempatan ini, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua umat Islam yang akan disambut pada 17 Julai 2015 (Jumaat). Saya berharap agar warga Seberang Perai dan semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai berhati-hati semasa memandu kenderaan pulang ke kampung halaman, patuhi peraturan dan waktu perjalanan yang telah ditetapkan oleh Plus bagi mengelakkan kesesakan lalulintas. Selamat bercuti dan pastikan rumah kediaman dikunci dengan sempurna bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Untuk mewujudkan warga Seberang Perai yang lebih sihat Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Berjaya, Nibong Tebal pada 26 Julai 2015 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.